MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 23
No. 2

**25hb Januari 1979**

*TAMBAHAN No. 5*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 11.**

## AKTA SARAAN HAKIM 1971

### PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL KEDUA) 1979

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971, Yang di-Pertuan Agong, setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut: *Akta 45.*

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 1979** dan hendaklah, mengikut peruntukan-peruntukan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1979, dipakai bagi Hakim-hakim yang kepadanya Akta itu dipakai. Nama dan pemakaian. *Akta A443.*

2. Akta Saraan Hakim 1971 adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual Kedua baru yang berikut— Pindaan Jadual Kedua.

"

### JADUAL KEDUA

[Seksyen 2 (2)]

1. TEMPAT TINGGAL:

| *(1)* Hakim-hakim | *(2)* Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| (*a*) *Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar*— | |
| rumah khas percuma berperabut lengkap, seorang butler, dua orang tukang kebun, seorang penunggu rumah dan peruntukan sebanyak $1,000 setahun bagi menyenggara rumah dan kawasan atau sebagai gantinya suatu elaun bulanan sebanyak $650. | 1-4-1974 |

| (1) Hakim-hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| (*b*) *Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi*— | |
| rumah khas percuma berperabut lengkap yang (termasuk kawasan rumah) akan disenggara dengan percuma atau sebagai gantinya suatu elaun bulanan sebanyak $650. | 1-7-1977 |

Keistimewaan dan elaun dalam perenggan ini hendaklah diberi atau dibayar dengan tidak mengira sama ada Hakim itu telah diberi suatu pinjaman di bawah Skim Pinjaman Perumahan yang dinyatakan dalam perenggan 14.

2. ELAUN KERAIAN:

| (1) Hakim-hakim dan Amaunnya | | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|---|
| (*a*) Ketua Hakim Negara ... ... | $750 sebulan | 1-7-1977 |
| (*b*) Hakim Besar ... ... ... | $600 sebulan | 1-7-1977 |
| (*c*) Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi ... ... | $500 sebulan | 1-7-1977 |

3. ELAUN WILAYAH:

| (1) Elaun dan Hakim-hakim yang layak menerimanya | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Suatu elaun wilayah bulanan atas kadar 10 peratus daripada gaji bulanan hendaklah dibayar kepada Hakim Besar dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi di Borneo selagi mereka berkhidmat dalam Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. | 1-7-1977 |

4. ELAUN KHAS:

| (1) Elaun khas bagi seseorang Hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Apa-apa elaun khas sebagaimana yang difikirkan patut diberi oleh Kerajaan menurut budibicaranya atas asas *ad hoc*. | 1-1-1974 |

5. KERETA KERAJAAN:

| (1) Peruntukan bagi sebuah kereta dsb. untuk seseorang Hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Sebuah kereta Kerajaan termasuk semua asesari hendaklah diperuntukkan bersama dengan seorang drebar kepada tiap-tiap seorang Hakim. Penyenggaraan, peruntukan petrol/diesel, minyak dan pelincir bagi kereta itu hendaklah ditanggung oleh Kerajaan. | 1-7-1977 |

6. ELAUN DREBAR:

| (1) Elaun dan uniform bagi seseorang drebar Hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| (a) Maka hendaklah diperuntukkan suatu elaun (termasuk elaun tempat tinggal, elaun hidup dan elaun lebih masa) bagi seorang drebar bagi tiap-tiap seorang Hakim di atas kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan. | 1-7-1977 |
| (b) Syarat-syarat perkhidmatan drebar itu hendaklah sebagaimana ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan. | |

Elaun-elaun dan perbelanjaan-perbelanjaan dalam perenggan ini hendaklah dibayar kepada Hakim yang mengambilkerja seorang drebar.

7. ELAUN HIDUP:

| (1) Elaun yang boleh dibayar kepada seorang Hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Apabila bertugas lebih daripada 8 jam di luar ibu pejabat—$22 sehari. | 1-7-1977 |

8. BELANJA PENGINAPAN:

| (1) Belanja yang boleh dituntut oleh seseorang Hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Belanja sebenar penginapan disokong dengan resit hendaklah digantibayar atau elaun sebanyak $24 semalam hendaklah dibayar sebagai gantinya. | 1-7-1977 |

9. PENDAHULUAN UNTUK MEMBELI KERETA:

| (1) Pendahuluan yang diberi kepada seseorang Hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Seseorang Hakim boleh diberi pendahuluan sebanyak $14,000 atas kadar berbunga sebanyak 4 peratus setahun untuk membantunya membeli kereta. Pendahuluan itu biasanya tidak akan diberi lebih daripada sekali dalam masa empat tahun. | 1-7-1977 |

10. PAKAIAN ISTIADAT:

| (1) Elaun bagi seseorang Hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Seseorang Hakim adalah layak menerima suatu elaun sebanyak $500 yang boleh dibayar sekali dalam 10 tahun. | 1-7-1977 |

11. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PERUBATAN:

| (1) Kemudahan-kemudahan seseorang Hakim dan ahli keluarganya | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Rawatan perubatan percuma bagi Hakim, isteri-isteri dan anak-anak mereka tetapi, jika dimasukkan ke hospital, Hakim itu hendaklah membayar caj harian wad atas kadar $8 seorang. Seseorang Hakim adalah berhak menerima dengan percuma apa-apa ubat, bantuan dan rawatan perubatan sebagaimana yang dapat diadakan oleh Kerajaan, termasuklah anggota badan tiruan dan alat-alat orthopaedik. | 3-9-1971 |

12. CUTI:

| (1) Jenis cuti dan bilangan hari yang layak bagi seseorang Hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| (*a*) *Cuti Rehat* | |
| Mengikut kadar 35 hari dalam satu tahun tidak termasuk hari kelepasan am dan hari kelepasan mingguan. Cuti rehat hendaklah diambil dalam tahun cuti itu terakru dan jika disebabkan oleh kepentingan perkhidmatan, cuti tidak diambil dalam tahun itu, maka cuti itu bolehlah dibawa ke hadapan dalam tahun berikutnya. Cuti rehat bagi mana-mana tiga tahun berturut-turut boleh dikumpulkan bagi maksud perjalanan keluar negeri dan pengumpulan cuti dan perjalanan keluar negeri itu adalah tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu. Pihakberkuasa yang meluluskan bagi maksud perenggan ini ialah— (i) bagi Ketua Hakim Negara, Perdana Menteri; (ii) bagi Hakim Besar dan Hakim-hakim Persekutuan, Ketua Hakim Negara; (iii) bagi Hakim-hakim lain, Hakim Besar yang berkenaan. | 1-7-1977 |
| (*b*) *Cuti Sakit* | |
| Cuti sakit hingga 90 hari pada satu masa atau hingga maksimum 90 hari dalam sesuatu tahun (Januari hingga Disember). Tetapi cuti sakit tambahan tidak lebih daripada 90 hari boleh diberi dengan kelulusan Perdana Menteri bagi Ketua Hakim Negara dan dengan kelulusan Ketua Hakim Negara bagi Hakim-hakim lain. | 3-9-1971 |
| (*c*) *Cuti Tibi* | |
| Hingga maksimum 12 bulan bergaji penuh. Kemudian daripada itu, 6 bulan bergaji separuh dan 6 bulan lagi tanpa gaji. | 3-9-1971 |

13. Faedah Kematian dan Bencana Dalam Kemalangan Kapal-terbang:

| (1) Faedah kepada Hakim atau tanggungannya | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Tanggungan kerana bencana atau kematian akibat kemalangan kapalterbang dalam masa menjalankan kewajipan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Kadar faedah kematian dan faedah hilang-upaya akibat kemalangan tersebut adalah seperti berikut— | 3-9-1971 |

(a) Bagi kematian yang disebabkan oleh sesuatu bencana yang didapati dalam kemalangan, sebanyak $150,000:

Dengan syarat bahawa jika orang tanggungan atau wakil darinya di sisi undang-undang berhak menerima faedah yang sama di bawah mana-mana peruntukan lain Akta ini, maka orang tanggungan atau wakil dirinya di sisi undang-undang itu adalah berhak mengikut pilihannya menerima satu faedah sahaja.

(b) Bagi hilangupaya kekal disebabkan oleh sesuatu bencana yang didapati dalam suatu kemalangan yang mengakibatkan—

(i) kehilangan dua anggota atau lebih dengan sebenarnya terpisah pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau kehilangan langsung dan tidak dapat dipulihkan penglihatan kedua-dua belah mata; atau kehilangan satu anggota bersama dengan kehilangan penglihatan sebelah mata: $275,000;

(ii) kehilangan satu anggota dengan sebenarnya terpisah pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau kehilangan langsung dan tidak dapat dipulihkan penglihatan sebelah mata: $150,000;

(iii) tidak berdaya langsung (hilang-upaya langsung) untuk mengambil bahagian dalam atau menumpukan perhatian kepada sesuatu profesion atau kerja: $275,000;

(iv) hilangupaya separa: mengikut kadar, taksiran perubatan berdasarkan darjah peratusan hilangupaya itu.

14. Skim Pinjaman Perumahan:

| (1) Skim Pinjaman bagi Hakim | (2) Tarikh mula berkuatkuasa |
|---|---|
| Skim Pinjaman Perumahan sebagaimana yang dipakai bagi anggota-anggota perkhidmatan awam. | 1-1-1970 ” |

Diperbuat pada 23hb Januari 1979.
[PM. S. 10232 Jld. IV; PN. (PU²) 91.]

Dengan Titah Perintah,

Tan Sri Dato' Abdullah bin Ayub,
*Setiausaha Jumaah Menteri*

## JUDGES' REMUNERATION ACT 1971

### JUDGES' REMUNERATION (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) REGULATIONS 1979

Act 45.

IN exercise of the powers conferred by section 19 of the Judges' Remuneration Act 1971, the Yang di-Pertuan Agong, after consultation with the Lord President, makes the following regulations:

Citation and application. Act A443.

1. These Regulations may be cited as the **Judges' Remuneration (Amendment of Second Schedule) Regulations 1979** and shall, in accordance with the provisions of the Judges' Remuneration (Amendment) Act 1979, apply to the Judges to whom that Act applies.

Amendment of Second Schedule.

2. The Judges' Remuneration Act 1971 is amended by substituting for the Second Schedule the following new Second Schedule—

"

SECOND SCHEDULE

[Section 2 (2)]

1. ACCOMMODATION:

| *(1)* Judges | *(2)* Effective Date |
|---|---|
| (*a*) *Lord President and Chief Justices*— free fully furnished institutional quarters, one butler, two gardeners, one caretaker and a provision of $1,000 per annum for house and garden upkeep or in lieu thereof a monthly allowance of $650. | 1-4-1974 |
| (*b*) *Judges of the Federal Court and the High Courts*— free fully furnished institutional quarters which (including the compound) will be maintained free of charge or in lieu thereof a monthly allowance of $650. | 1-7-1977 |

The privilege and allowance in this paragraph shall be accorded or paid notwithstanding that the Judge has been granted a loan under the Housing Loans Scheme referred to in paragraph 14.

2. ENTERTAINMENT ALLOWANCE:

| *(1)* Judges and Amount | | *(2)* Effective Date |
|---|---|---|
| (*a*) Lord President ... ... | $750 per month | 1-7-1977 |
| (*b*) Chief Justices ... ... | $600 per month | 1-7-1977 |
| (*c*) Judges of the Federal Court and the High Courts | $500 per month | 1-7-1977 |

3. REGIONAL ALLOWANCE:

| *(1)* Allowance and Judges eligible therefor | *(2)* Effective Date |
|---|---|
| A monthly regional allowance at the rate of 10 per centum of monthly salary shall be paid to the Chief Justice and Judges of the High Court in Borneo for so long as they serve in the States of Sabah and Sarawak. | 1-7-1977 |

4. SPECIAL ALLOWANCE:

| (1) Special allowance to a Judge | (2) |
|---|---|
| Such special allowance as the Government may in its discretion deem fit to grant to a Judge on an *ad hoc* basis. | 1-1-1974 |

5. OFFICIAL CAR:

| (1) Provision for a car etc. for a Judge | (2) Effective Date |
|---|---|
| A Government car inclusive of all accessories shall be provided with syce to each of the Judges. Maintenance, provision of petrol/diesel, oil and lubrication for such car shall be borne by the Government. | 1-7-1977 |

6. SYCE ALLOWANCE:

| (1) Allowances and uniforms for a syce of a Judge | (2) Effective Date |
|---|---|
| (*a*) There shall be provided an allowance (including lodging, subsistence and overtime allowances) for one syce for each of the Judges at such rates as may from time to time be determined by the Government. | 1-7-1977 |
| (*b*) The terms of service of such syce shall be as may be determined from time to time by the Government. | |

The allowances and expenses in this paragraph shall be paid to the Judge employing a syce.

7. SUBSISTENCE ALLOWANCE:

| (1) Allowance payable to a Judge | (2) Effective Date |
|---|---|
| When on duty exceeding 8 hours away from station—$22 per day. | 1-7-1977 |

8. LODGING EXPENSES:

| (1) Expenses claimable by a Judge | (2) Effective Date |
|---|---|
| Actual lodging expenses supported by receipts shall be reimbursed or an allowance of $24 per night shall be paid in lieu thereof. | 1-7-1977 |

9. ADVANCE TO PURCHASE A MOTOR CAR:

| (1) Advance granted to a Judge | (2) Effective Date |
|---|---|
| A Judge may be granted an advance of $14,000 at an interest rate of 4 per centum per annum to assist him in the purchase of a motor car. Such advance will not ordinarily be granted more than once in four years. | 1-7-1977 |

10. CEREMONIAL COSTUME:

| (1) Allowance for a Judge | (2) Effective Date |
|---|---|
| A Judge shall be eligible to an allowance of $500 payable once in 10 years. | 1-7-1977 |

11. MEDICAL FACILITIES:

| (1) Facilities of a Judge and members of his family | (2) Effective Date |
|---|---|
| Free medical treatment for Judges, their wives and children but, in case of hospitalisation, the Judge shall pay ward daily charges at the rate of $8 per person. A Judge shall be entitled to receive free of charge such medicines, medical assistance and attendance as Government has at its disposal, including artificial limbs and orthopaedic appliances. | 3-9-1971 |

12. LEAVE:

| (1) Type of leave and number of days to which a Judge is entitled | (2) Effective Date |
|---|---|
| (a) *Vacation Leave* | |
| At the rate of 35 days in a year excluding public holidays and weekly holidays. Vacation leave shall be taken in the year in which it accrues and where, owing to exigencies of service, it has not been taken in such year, it can be carried forward into the succeeding year. Vacation leave in respect of any three consecutive years may be accumulated for the purpose of overseas travel and such accumulation and overseas travel shall be subject to prior approval. The approving authority for the purpose of this paragraph shall be—<br>(i) in the case of the Lord President, the Prime Minister;<br>(ii) in the case of the Chief Justices and the Federal Judges, the Lord President;<br>(iii) in the case of other Judges, the Chief Justice concerned. | 1-7-1977 |
| (b) *Medical Leave* | |
| Sick leave up to 90 days at one time or up to a maximum of 90 days in any one year (January to December). But additional medical leave of not more than 90 days may be given with the approval of the Prime Minister in the case of the Lord President and of the Lord President in the case of other Judges. | 3-9-1971 |
| (c) *Tuberculosis Leave* | |
| Up to a maximum of 12 months on full pay. Thereafter, 6 months on half-pay and further 6 months without pay. | 3-9-1971 |

13. DEATH AND INJURY BENEFITS IN AIRCRAFT ACCIDENTS:

| (1) Benefits to a Judge or his dependants | (2) Effective Date |
|---|---|
| Liabilities for an injury or death arising out of an aircraft accident in the course of duty shall be borne entirely by the Government. The rates of death and disablement benefits for Judges arising from such accidents shall be as follows— | 3-9-1971 |

(*a*) For death caused by an injury sustained in an accident, a sum of $150,000:

Provided that where the dependants or legal personal representatives are entitled to receive similar benefits under any other provisions of this Act, such dependants or legal personal representatives shall be entitled at their option to receive one benefit only.

(*b*) For permanent disablement caused by an injury sustained in an accident resulting in—

(i) loss of two or more limbs by actual separation at or above the wrist or ankle; or the total and irrecoverable loss of all sight of both eyes; or the loss of one limb accompanied by the loss of sight of one eye: $275,000;

(ii) loss of one limb by actual separation at or above the wrist or ankle; or the total and irrecoverable loss of sight of one eye: $150,000;

(iii) total incapacity (total disablement) from engaging in or giving attention to any profession or occupation: $275,000;

(iv) partial disablement: proportionate, according to medical assessment of the percentage degree of such disablement.

14. HOUSING LOANS SCHEME:

| (1) Loan Scheme for a Judge | (2) Effective Date |
|---|---|
| The Housing Loans Scheme applicable to members of the public services. | 1-1-1970." |

Made the 23rd January 1979.
[PM. S. 10232 Jld. IV; PN. (PU²) 91.]

By Command,

TAN SRI DATO' ABDULLAH BIN AYUB,
*Secretary to the Cabinet*

DICETAK OLEH IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN, SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR